



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

#### **PAVILION MALAYSIA DI EKSPO 2020 DUBAI JANA RM77.25B NILAI POTENSI PERNIAGAAN: TUJUH (7) KALI GANDA MELEPASI SASARAN AWAL**

---

**KUALA LUMPUR, 14 September 2022** – Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, telah menghadiri Majlis Apresiasi Pavilion Malaysia Ekspo 2020 Dubai pada hari ini. Majlis tersebut diadakan untuk meraikan komitmen dan dedikasi semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai yang telah berlangsung pada 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022.

Dalam ucapan beliau, YAB Perdana Menteri mengumumkan bahawa penyertaan Malaysia di ekspo dunia tersebut telah menjana RM77.25 bilion dalam potensi perdagangan, perniagaan dan pelaburan melalui dokumen kerjasama yang ditandatangan, serta pertanyaan perniagaan yang diterima.

YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob berkata, “Malaysia berjaya melepassasaran itu sebanyak tujuh (7) kali ganda dengan potensi perdagangan dan pelaburan keseluruhannya berjumlah RM77.25 bilion. Sekali lagi, tahniah dan syabas diucapkan. Kejayaan ini diraih melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman, Perjanjian Perkongsian dan Surat Niat melibatkan syarikat-syarikat serta pihak-pihak luar termasuk dari Amerika Syarikat, China, Emiriah Arab Bersatu, India, United Kingdom dan Qatar.”

Selain 165 dokumen kerjasama, sejumlah 4,971 pertanyaan perniagaan direkodkan. Bagi memaksimumkan peluang perdagangan dan perniagaan, Pavilion Malaysia yang mewakili penyertaan negara pada Ekspo berkenaan juga berjaya mengadakan sebanyak 2,555 sesi padanan perniagaan secara fizikal dan maya.

Pavilion Malaysia yang bertemakan ‘Memperkasa Kemampanan’ (*Energising Sustainability*) itu turut memperolehi kejayaan berganda apabila memenangi empat (4) anugerah dan pengiktirafan antarabangsa iaitu:

- i. **Anugerah Emas** untuk Tafsiran Tema bagi Pavilion Ekspo 2020 Dubai daripada *Bureau International des Expositions* (BIE);

- ii. **Anugerah Seni Bina dan Reka Bentuk Global 2022** atau *Global Architecture & Design Awards* (GADA 2022) untuk projek paling mampan (pembinaan);
- iii. **Tempat Pertama** bagi kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan untuk Anugerah Kempen Pemasaran APPIES Asia Pasifik (APAC) 2022; dan
- iv. **Honourable Mention** bagi Reka Bentuk Lestari Terbaik oleh Anugerah Ekspo Dunia Majalah EXHIBITOR.

Secara keseluruhannya, Pavilion Malaysia telah menerima sejumlah 1.2 juta pengunjung, malah disenaraikan sebagai satu daripada lima pavilion paling hijau dan merupakan antara tujuh pavilion paling digemari oleh media antarabangsa.

“Sekalipun Ekspo 2020 Dubai telah berakhir, saya harapkan semangat dan legasi yang ditinggalkan akan berkekalan dan menjulang semangat negara untuk tampil dengan pelbagai idea baharu pada ekspo akan datang. Saya yakin, impak penyertaan di Ekspo 2020 Dubai akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi dan pembentukan negara pada masa hadapan apabila kerjasama perdagangan yang diperoleh termasuklah rumah pintar hijau, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pertanian, tenaga bersih dan banyak lagi penyelesaian masa depan,” kata YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama agensi pelaksananya, *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC).

Sepanjang ekspo berlangsung, Malaysia telah mengadakan program perdagangan dan perniagaan bertema mingguan yang diterajui dan disokong oleh **21 kementerian, 9 kerajaan negeri** dan **92 agensi**. Program-program telah disusun untuk mengetengahkan industri Malaysia merangkumi syarikat pemula, PKS serta syarikat swasta daripada lebih 10 industri termasuk teknologi hijau, penjagaan kesihatan, industri halal, agrikomoditi, Industri 4.0, kewangan Islam, pelancongan dan pendidikan.

Apabila dunia dilanda pandemik, kita telah menyusun semula strategi penyertaan di Ekspo 2020 Dubai sebagai strategi baharu untuk pemulihan ekonomi, memandangkan ekspo tersebut adalah acara fizikal terbesar yang berlaku semasa pandemik. Pavilion Malaysia telah menyediakan platform untuk **426 syarikat** untuk meneroka peluang bagi perdagangan global dan kerjasama perniagaan.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob turut menyatakan, “Dedikasi yang tinggi dan kerjasama erat melalui pendekatan *Whole-of-Government* telah menjadikan Pavilion Malaysia satu platform yang berkesan bagi perkongsian idea serta berjaya mengetengahkan potensi negara untuk menerajui agenda kelestarian global.”

Ekspo 2020 Dubai merupakan ekspo dunia pertama yang diadakan di rantau Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Selatan. Pada ekspo tersebut, Malaysia dengan bangganya telah berkongsi kisah kejayaan negara yang bertunjang pada prinsip kemampanan. Pengisian Pavilion Malaysia tercetus daripada tema pemangkin dasar dan pemacu perubahan yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Sebelum penutupan acara global tersebut, Pavilion Malaysia telah ditawarkan untuk menyertai program *5-year Legacy* anjuran Ekspo. Pavilion Malaysia akan menjadi sebahagian daripada Expo City Dubai yang akan dibuka kepada orang ramai pada bulan Oktober nanti.

Aerodyne Group (Aerodyne) selaku peneraju global dalam perkhidmatan dron telah dipilih untuk beroperasi di hab itu sebagai sebahagian daripada perkongsian awam-swasta yang akan menempatkan ibu pejabat global kedua Aerodyne, manakala Kerajaan juga akan meneruskan program promosi teknologi dan inovasi negara.

“Malaysia telah menerima tawaran kerajaan UAE untuk menyertai Program Legasi 5 Tahun Ekspo 2020 Dubai. Untuk makluman, Pavilion Malaysia telah ditransformasikan sebagai Hab Teknologi dan Inovasi. Hab ini merupakan hasil inisiatif awam-swasta, di mana kementerian dan agensi-agensi juga turut dialu-alukan untuk menggunakan pakai pavilion tersebut bagi mengadakan program dan pertemuan di Dubai bagi tujuan promosi pemasaran produk dan perkhidmatan berdasarkan teknologi. Hab Teknologi dan Inovasi ini akan mula beroperasi pada bulan Oktober 2022,” kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba dalam ucapan aluannya.

Malaysia seterusnya akan menyertai Ekspo Dunia 2025 yang akan diadakan di Osaka, Jepun dan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**14 September 2022**